



PARLIMEN MALAYSIA  
KUALA LUMPUR

## KENYATAAN MEDIA

OLEH  
YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

Dimaklumkan bahawa saya telah menerima surat pemakluman yang ditandatangani YAB Perdana Menteri sebagai Ketua Majlis, memaklumkan disebabkan penularan wabak COVID-19 dalam negara yang masih belum reda sepenuhnya, pihak Kerajaan memutuskan **Majlis Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga, Parlimen Ke-14** yang akan berlangsung selama **satu hari** iaitu pada **Isnin, 18 Mei 2020 DIPINDA** dengan urusan Majlis Mesyuarat seperti berikut:

### Mesyuarat Pertama

#### Dewan Rakyat (pada 18 Mei – 1 hari)

##### Urusan Majlis

- **Titah Diraja** Istiadat Pembukaan Penggal Parlimen oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Isnin 18 Mei 2020, jam 10.00 pagi – Dewan Rakyat & Dewan Negara bersidang serentak; dan
  - **Tiada sidang selepas Titah Diraja.**
2. Pindaan ini adalah selaras dengan **Peraturan 11(2) dan 15(2)** Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.
3. Justeru, Setiausaha Dewan Rakyat, YBrs. Tuan Riduan Rahmat akan menyusul dengan mengeluarkan **Notis Baru Majlis Persidangan Dewan Rakyat Bagi Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Ke-14 Tahun 2020** kepada semua Ahli-Ahli Dewan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' MOHAMAD ARIFF BIN MD YUSOF**  
Yang di-Pertua Dewan Rakyat  
13hb. Mei 2020